

11 MAY 1997

Sukan-Menembak

LACOS '97 DISERTAI 37 NEGARA

LANGKAWI, 11 Mei (Bernama) -- Sebanyak 37 negara mengesahkan penyertaan mereka pada Kejohanan Menembak Negara Komanwel Kedua (LACOS 1997) di lapang sasar di sini dari 17 hingga 29 Nov ini.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Abdul Rahman Ariffin yang berkata pengesahan itu diterima menerusi Persekutuan Menembak Komanwel yang beribu pejabat di London, menjangka lebih banyak negara akan mengambil bahagian pada kejohanan yang diadakan dua tahun sekali itu.

Juara bertahan, Australia ialah antara negara yang mengesahkan penyertaan pada kejohanan itu yang dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa induk LACOS 1997 di sini hari ini.

Beliau berkata penganjur berharap 12 negara lagi yang turut diundang dapat memberi jawapan sebelum tarikh tutup pada 30 Julai ini. Sebanyak 49 negara diundang menyertai kejohanan itu.

Abdul Rahman yang juga Pengerusi Jawatankuasa Sukan Negeri berkata, sebanyak 15 acara lelaki dan wanita dipertandingkan.

Inilah adalah pertama kali Malaysia diberi penghormatan menganjurkan kejohanan itu kerana negara ini mempunyai kemudahan terbaik seperti lapang sasar Langkawi yang sedang dalam pembinaan.

"Kejohanan ini sesuai sebagai persediaan untuk menghadapi acara menembak Sukan Komanwel 1998 kerana acara itu akan berlangsung di sini," katanya.

Penganjur telah menempah 750 bilik hotel di Langkawi sebagai persiapan untuk memberi kemudahan kepada peserta dan urusetia kejohanan itu.

Abdul Rahman juga berkata Malaysia akan mengemukakan pasukan yang mantap bagi menyertai kejohanan berprestij itu dan berharap membaiki kedudukan pungutan pingat satu emas yang dimenangi pada kejohanan pertama di New Delhi, India dua tahun lepas.-- BERNAMA

ZI MAI